

# KPJ Healthcare cadang laksanakan REIT

Utusan Malaysia  
1 September 2005

KUALA LUMPUR 1 Sept. – KPJ Healthcare Bhd. hari ini mengumumkan ia telah mencadangkan eksekusi Pasaran Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) bagi meluaskan hospital-hospital terpilih dalam lingkungan kumpulan dengan nilai RM300 juta seiring dengan cadangan memperkenalkan dan menyenaraikan REIT.

Cadangan itu akan membolehkan KPJ untuk membuka nilai pasaran hartanahnya dan mendapatkan dana bagi lain-lain pelaburan di samping mengurangkan pinjaman, kata syarikat dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Untuk tujuan ini, KPJ Healthcare telah melantik AmMerchant Bank Bhd. sebagai penasihat dan butiran mengenai cadangan itu akan diumumkan sebaik sahaja perjanjian jual beli dilaksanakan.

Sementara itu, kenyataan itu berkata KPJ Healthcare kini merupakan kumpulan penjagaan kesihatan persendirian terbesar di dalam negara dengan rangkaian 17 hospital di Malaysia, Indonesia dan Bangladesh.

Di Malaysia, di Johor, terdapatnya Johor Specialist Hospital, Puteri Specialist Hospital dan Penawar Hospital, Ampang Puteri Specialist Hospital dan Damansara Specialist Hospital di Selangor, Perdana Specialist Hospital di Kelantan, Tawakal Hospital di sini, Ipoh Specialist Hospital, Bukit Mertajam Specialist Hospital, Kuching Specialist Hospital dan Seremban Specialist Hospital.

Yang lain-lainnya ialah United Hospital (Bangladesh), RS Selasih (Sumatera), RS Medika Permata Hijau dan RS Bumi Serpong Damai (Jakarta).

Sehingga bulan Disember 2004, KPJ Healthcare telah memberi perkhidmatan kepada lebih 1.0 juta pesakit luar dan melebihi 100,000 pesakit yang dimasukkan ke hospital di Malaysia dengan bantuan kumpulan berpengalaman terdiri daripada 400 perunding dan disokong oleh 4,500 jururawat, paramedik dan kakitangan sokongan.